



NOOR Hidayyah Murni Mohd. Rosli (kiri) dan adiknya, Muhammad Hafiz Fardillah menunjukkan antara anugerah dan buku yang ditulis arwah bapa mereka di Galeri Raja Teromba, Perkampungan Raja Teromba, Kampung Terusan Seberang, Kuala Pilah. - UTUSAN/BADRUL HAFIZAN MAT ISA

Khazanah Adat Perpatih di Galeri Raja Teromba

KUALA PILAH: Pemergian Allahyarham Prof. Madya Datuk Paduka Dr. Mohd. Rosli Saludin yang meninggal dunia pada 4 April lalu bukan sahaja kehilangan buat keluarganya malah kepada masyarakat Negeri Sembilan yang mengamalkan Adat Perpatih serta kepada orang Melayu secara keseluruhan yang kaya dengan warisan dan budaya.

Bagi anak sulung Allahyarham iaitu, Noor Hidayyah Murni, 37, berkata, seperti mengetahui

tidak ramai individu yang masih tinggal yang boleh menjadi rujukan terutama dalam hal Adat Perpatih, bapanya telah berusaha untuk membina sebuah galeri yang menempatkan ribuan buku dan dokumen berkaitan termasuk mengenai warisan orang Melayu.

Menurutnya, Galeri Raja Teromba itu siap dibina pada penghujung tahun lalu di atas sebidang tanah yang diberi nama sebagai Perkampungan Raja Te-

romba terletak di Kampung Terusan Seberang di sini.

"Ayah siapkan galeri ini untuk sesiapa sahaja membuat rujukan dan kajian termasuk kepada pelajar-pelajar universiti.

"Memang itu menjadi hasratnya kerana di sini juga tersimpan ratusan penulisan manuskrip dan tesis bekas pelajarnya semasa arwah menjadi pensyarah di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.